

PM: Gunakan akal tangani rintangan

Oleh ROZAID ABDUL RAHMAN

ALUR SETAR 19 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya menggunakan akal fikiran dan bukannya perasaan dalam menangani apa jua rintangan dan masalah yang mendatang.

Katanya, Allah membezakan manusia dengan makhluk yang lain menerusi akal fikiran.

Malah, kata beliau, darjat manusia menjadi tinggi kerana mereka dianugerahkan akal oleh Tuhan supaya dapat berfikir untuk memajukan diri sendiri.

"Sebab itulah hari ini, apabila manusia dapat berfikir dengan menggunakan akal mereka dan bukannya perasaan maka para saintis dapat menghasilkan penemuan-penemuan baka baru seperti padi yang dilancarkan oleh MARDI hari ini," katanya.

Berucap di majlis Perisytiharan Varieti-Varieti Padi Baru MARDI-MR 159 dan MR 167 - di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Kepala Batas dekat sini, pagi ini, Dr. Mahathir juga mengingatkan rakyat mengenai kehadiran segolongan manusia yang bersifat seperti katak iaitu melompat dan muncul di sesuatu tempat mengikut musim.

Perasaan

Kata Perdana Menteri, manusia seperti ini cukup membahayakan kerana ia mengajak manusia lain menggunakan perasaan untuk berhadapan dengan isu dan bukannya menggunakan akal yang telah dianugerahkan oleh Allah.

"Sebab itulah, orang-orang macam ini hanya asyik menyoal akan kesenangan dan kekayaan orang lain tetapi tidak mahu melihat akan kemalasan dan kekurangan diri sendiri.

"Orang macam ini akan sentiasa kata kita dah merdeka lebih 37 tahun tapi hidup kami macam ini juga tak sama dengan orang di bandar yang hidup kaya raya.

"Bagi mereka, MADA yang kita wujudkan untuk kepentingan petani tak pernah wujud... semuanya yang kita buat tak betul dan tak berfaedah... inilah dia manusia yang hanya hendak berfikir menggunakan perasaan dan bukannya akal serta tidak pernah bersyukur akan pemberian Tuhan," jelas Dr. Mahathir.

Menurut Perdana Menteri, pada tahun 1960 untuk membolehkan para petani menanam padi dua kali setahun, kerajaan telah membelanjakan RM400 juta menerusi MADA dengan membina saliran dan ampangan untuk tadahan air.

Katanya, nilai RM400 juta pada masa itu mungkin empat kali ganda nilainya pada masa ini.

Pun begitu, tegas Dr. Ma-

gunakan apa yang diberi kepada kita dengan cara yang penuh bijaksana," katanya.

Dengan kiasan yang mendalam, Perdana Menteri juga mengingatkan rakyat supaya jangan menjadi terlalu takbur, bongkak dan sombong kerana manusia yang seperti ini

hathir, ada juga orang yang mengatakan cara itu tidak betul kononnya kerana tanah juga perlu berehat.

Tetapi, jelas beliau, apabila rancangan tanaman dua kali setahun membawa pulangan yang lumayan kepada pesawah, orang yang menentang tadi turut mahu mengaut keuntungan.

Keuntungan

Begitulah juga, katanya, apa yang akan berlaku di Kerpan kelak iaitu pada ketika para petani yang mengusahakan projek teranakan udang tersebut mula mengaut keuntungan barulah golongan yang menentang mahu turut serta.

"Pada masa itu semuanya sudah terlambat kerana mereka tidak mahu berfikir menggunakan akal tetapi menggunakan perasaan," tegas beliau.

Dr. Mahathir menambah, golongan ini, yang menggunakan perasaan

suatu hari akan menjadi papa kedana.

"Saya sendiri pernah mengenali seorang pemilik ladang getah yang suatu hari kerana terlalu sombong dan bongkak, telah menggunakan wang kertas seringggit sebagai penggulung tembakau lalu membakar dan menghisapnya.

mereka dalam berhadapan dengan kehidupan seharian lebih daripada menggunakan pertimbangan akal fikiran mudah menjadi mangsa kepada oportunist politik yang mahu mengambil kesempatan untuk menghasut.

Sebab itulah, kata Perdana Menteri, manusia perlu melihat alam ciptaan Tuhan di sekeliling mereka dan berfikir agar mereka sedar bahawa apa yang diciptakan Tuhan akan menguntungkan mereka yang mahu berfikir.

"Oleh kerana kita berfikirilah maka kita mengenal rumput yang boleh kita makan iaitu padi yang kemudiannya menghasilkan beras. Dari situ pula kita berfikir bagaimana hendak menjadikan padi ini lebih sedap, tahan dan tumbuh dengan banyak.

"Sekali lagi, semua ini adalah kurniaan Tuhan dan sebagai manusia yang bersyukur, kita tentulah

"Dia merasa begitu marah kerana harga getah pada ketika itu melambung tinggi tetapi apabila suatu hari, harga getah jatuh dengan teruknya, orang yang sanggup membakar wang sebagai batang rokok itu hidup dalam kemiskinan," ujarnya.

Dr. Mf.